

# Panduan Laporan Transaksi yang Mencurigakan (STR)

## Apakah STR?

STR adalah dokumen yang perlu dikemukakan oleh institusi pelapor apabila mengesyaki pelanggan terlibat dalam **pengubahan wang haram (ML)**, **pembiayaan keganasan (TF)** atau **jenayah berat yang lain**



## Mengapa mengemukakan STR?

STR memberikan maklumat risikan yang bernilai kepada agensi penguatkuasaan undang-undang bagi aktiviti jenayah yang berpotensi

## Bilakah STR perlu dikemukakan?

**Tanpa mengambil kira amaun transaksi yang dilakukan**, anda dikehendaki untuk mengemukakan STR dengan kadar segera, setiap kali anda mengesyaki atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa transaksi tersebut (termasuk transaksi cubaan):

- kelihatan aneh
- tidak mempunyai tujuan ekonomi yang jelas
- kelihatan tidak sah
- melibatkan hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan
- menunjukkan bahawa pelanggan terlibat dalam ML/TF




## Bagaimanakah anda mengenalpasti transaksi yang mencurigakan?



1. **Menyaring** akaun pelanggan
2. **Bertanya** pelanggan soalan yang sesuai
3. **Menyelidik** rekod pelanggan dengan menyemak maklumat sedia ada
4. **Menilai** semua maklumat sedia ada dan mempertimbangkan untuk mengemukakan STR

Anda juga dikehendaki untuk mewujudkan **petunjuk transaksi yang mencurigakan** yang bersesuaian dengan perniagaan atau perkhidmatan anda untuk mengesan transaksi yang mencurigakan.

Contoh-contoh petunjuk transaksi mencurigakan disediakan dalam Dokumen Dasar.





## YA [DILAKUKAN]

- Memastikan bahawa STR dikemukakan pada hari bekerja berikutnya, bermula dari tarikh Pegawai Pematuhan mempunyai rasa syak ke atas transaksi tersebut
- Mewujudkan mekanisme pelaporan untuk penyerahan STR
- Mewujudkan polisi mengenai jangka masa untuk semakan STR dalaman oleh Pegawai Pematuhan
- Memastikan kerahsiaan STR sentiasa terpelihara



## JANGAN

- Mendedahkan penyerahan STR kepada orang lain, kecuali dalam keadaan tertentu (rujuk Seksyen 14A Akta Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Aktiviti Haram 2001 (AMLA) dan Perenggan 20 Dokumen Dasar
- Memberi maklumat kepada individu yang dilaporkan – memberikan layanan seperti biasa supaya mereka tidak mengesyaki bahawa STR telah dilaporkan ke atas mereka

## Bagaimanakah untuk mengemukakan STR?

1. Isi borang STR, yang boleh didapati di [www.amlcf.bnm.gov.my](http://www.amlcf.bnm.gov.my) atau di lampiran berkenaan dalam Dokumen Dasar Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Sekatan Kewangan Bersasar untuk Perniagaan dan Profesion Bukan Kewangan yang Ditetapkan (DNFBPs) & Institusi Kewangan Bukan Bank (NBFIs) (Dokumen Dasar AML/CFT dan TFS untuk DNFBPs & NBFIs)

2. Pegawai Pematuhan institusi pelapor perlu mengemukakan STR melalui mana-mana cara berikut:

a) **Surat:** Pengarah

Jabatan Perisikan dan  
Penguatkuasaan Kewangan  
Bank Negara Malaysia  
Jalan Dato' Onn  
50480 Kuala Lumpur  
(Untuk dibuka oleh penerima sahaja)

b) **Faks:** +603-26933625

c) **E-mel:** [str@bnm.gov.my](mailto:str@bnm.gov.my)

d) **Platform FINS** (jika berkenaan):  
<https://bnmapp.bnm.gov.my/fins2>

**Nota:** Sila rujuk Seksyen 14 Akta Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Aktiviti Haram 2001 (AMLA) dan Perenggan 19 Dokumen Dasar Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Sekatan Kewangan Bersasar untuk Perniagaan dan Profesion Bukan Kewangan yang Ditetapkan (DNFBPs) & Institusi Kewangan Bukan Bank (NBFIs) (Dokumen Dasar AML/CFT dan TFS untuk DNFBPs & NBFIs)

**Penafian:**

Dokumen ini adalah untuk maklumat umum anda sahaja. Dokumen ini tidak mengandungi nasihat atau maklumat lengkap yang berkaitan perkara di atas dan juga tidak boleh digunakan sebagai pengganti kepada nasihat undang-undang. Sekiranya maklumat dalam dokumen bercetak rasmi Bank Negara Malaysia atau mana-mana Akta berbeza dengan maklumat yang terkandung di dalam dokumen ini, maklumat dalam Akta tersebut dan dokumen rasmi adalah diutamakan dan diterima pakai.